

08/04/2003

`Usah kemuka usul bakal TPM'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menasihatkan semua bahagian Umno supaya tidak mengemukakan sebarang usul berhubung siapa bakal menjadi Timbalan Perdana Menteri apabila beliau mengambil alih pucuk kepemimpinan parti dan negara, selepas Oktober ini.

Sebaliknya, Pemangku Perdana Menteri yang juga Pemangku Presiden Umno itu berkata, biarlah beliau sendiri mengumumkan siapa bakal mengisi jawatan nombor dua dalam kerajaan dan seterusnya dalam Umno, apabila tiba masanya.

"Pada pandangan saya, yang paling wajar ialah tak payahlah pada waktu ini usul sebegini diadakan oleh mana-mana bahagian pun.

"Sebab yang pertama ialah kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sudah menyatakan saya yang akan menentukan nanti, siapakah yang menjadi timbalan saya apabila saya mengambil alih pucuk kepimpinan.

"Sebab kedua ialah kerana kita telah bersetuju pemilihan dalam parti tidak akan diadakan sehinggalah selepas pilihan raya umum diadakan nanti," katanya sambil menegaskan, dua fakta itu perlu diambilkira oleh semua bahagian Umno.

Beliau memberitahu pemberita demikian di Lobi Parlimen semalam ketika diminta mengulas keputusan Umno Bahagian Chenderoh yang menyatakan sokongan supaya Naib Presiden parti, Datuk Seri Najib Razak, menjadi Timbalan Presiden Umno dan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Oktober ini.

Kelmarin, Ketua Umno Chenderoh, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata bahagian itu berpendapat Najib paling layak menjadi Timbalan Perdana Menteri kerana beliau adalah menteri Kabinet paling lama dan berpengalaman luas.

Abdullah berkata, jika sudah ada satu bahagian membuat keputusan seperti itu, bahagian lain pula mungkin akan membuat pelbagai keputusan atau usul selepas ini.

"Macam-macam usul itu dan ini akan disuarakan. Ini mungkin akan menimbulkan pula kempen di kalangan mereka yang tahu nama mereka telah dicalonkan. Adalah lebih baik pada pandangan saya jika bahagian tidak mengemukakan sebarang calon pada masa sekarang," katanya.

Beliau berkata, apa juga usul yang ada hubung kait dengan jawatan nombor dua dalam kerajaan dan parti boleh dikemukakan pada masa pemilihan diadakan.

"Tentang Timbalan Presiden, berilah kesempatan kepada saya buat pengumuman pada masa yang sesuai nanti," katanya.